Bab 1 Kedatangan Kuasa Barat

BAHAGIAN A

Jawab **semua** *soalan.*

1 Dalam sistem pemerintahan beraja, jajahan dan daerah ditadbir oleh pembesar yang dilantik oleh
A sultan
B penghulu
C pegawai negeri
D pegawai daerah

Buku Teks ms. 4

2 Apakah yang berkaitan dengan sistem pemerintahan di Sabah?
I Sistem adat
II Sistem warisan
III Sistem kesukuan
IV Sistem kesultanan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks ms. 5

3 Masyarakat tempatan berjaya menghasilkan kraf tangan yang indah dan menarik daripada sumber alam. Apakah nilai yang boleh dicontohi?
A Kreatif
B Kerajinan
C Kesungguhan
D Kebijaksanaan

Buku Teks ms. 6

4 PKBM SPM 2019 Kuasa Barat memerlukan pelabuhan yang sesuai sebagai tempat berlindung. Mengapakah kuasa Barat memerlukan pelabuhan tersebut?
A Membaiki kapal
B Mencari makanan
C Mengelak serangan musuh
D Menunggu peralihan angin monsun

Buku Teks ms. 11

5 Apakah faktor kedatangan kuasa Barat pada abad ke-19 dan abad ke-20 ke negara kita?
I Revolusi Perindustrian
II Penyebaran agama Kristian
III Perkembangan industri kereta
IV Kemunculan industri mengetin
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks ms. 13

6 Apakah kepentingan penciptaan kapal wap kepada kuasa-kuasa Barat?
A Menjimatkan kos
B Semakin tinggi sanjungan
C Mampu bersaing antara kuasa Barat
D Menghubungi ejen di Tanah Melayu dengan cepat

Buku Teks ms. 14

7 Apakah kepentingan negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah kepada British?
A Pusat agama Kristian
B Penduduk yang ramai
C Kawasan yang strategik
D Kaya dengan bahan mentah

Buku Teks ms. 16

8 Apakah tindakan yang dilakukan oleh British bagi mengukuhkan kuasa di Sabah?
I Menakluki Kesultanan Sulu
II Membuat perjanjian dengan Belanda
III Menjadikan Kesultanan Brunei sebagai sebuah
IV Membeli wilayah-wilayah Sabah daripada Sultan negeri naungan British Brunei dan Sultan Sulu
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Buku Teks ms. 16

9 Serangan fizikal merupakan salah satu strategi Belanda untuk menguasai negara kita. Mengapakah Belanda menyerang penduduk di Pulau Pangkor pada tahun 1650?
A Persaingan dengan British
B Dasar monopoli bijih timah
C Penentangan pemimpin tempatan
D Penduduk menolak pentadbiran Belanda

Buku Teks ms. 20

10 Apakah strategi yang digunakan oleh British dalam usaha menguasai Pulau Pinang?
A Pajakan
B Perjanjian
C Tipu helah
D Manipulasi

Buku Teks ms. 21

LIVEWORKSHEETS